

PANAMOL SYRUP

Paracetamol (120mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Panamol Syrup 120mg/5ml
2. Bagaimana Panamol Syrup 120mg/5ml berfungsi
3. Sebelum mengambil Panamol Syrup 120mg/5ml
4. Cara menggunakan Panamol Syrup 120mg/5ml
5. Semasa menggunakan Panamol Syrup 120mg/5ml
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Panamol Syrup 120mg/5ml
3. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Panamol Syrup 120mg/5ml

Panamol Syrup 120mg / 5ml digunakan untuk melegakan kesakitan ringan sehingga sederhana dan untuk mengurangkan demam dalam pelbagai keadaan termasuklah sakit kepala, sakit gigi, demam selesema serta selesema dan selepas vaksinasi.

Bagaimana Panamol Syrup 120mg/5ml berfungsi

Paracetamol adalah ubat tahan sakit. Ia berfungsi dengan cara mengurangkan pengeluaran prostaglandin, sejenis bahan seperti hormon di dalam badan yang menyebabkan kesakitan dan keradangan.

Sebelum mengambil Panamol Syrup 120mg/5ml

-Bila tidak boleh mengambil:

* Penyediaan ini mengandungi paracetamol. Jangan mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

* Jangan ambil Panamol Syrup jika anda alah kepada paracetamol atau kepada bahan-bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

- Sebelum mengambil Panamol Syrup 120mg/5ml:

* Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengandung atau menyusukan bayi atau jika anda mengalami masalah hati atau buah pinggang.

- Jika mengambil ubat-ubat lain:

Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jikalau anda mengambil:

* Sebarang ubat-ubatan lain, termasuk mana-mana ubat yang anda beli atau dapatkan tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

* Barbiturates dan anticonvulsants: digunakan untuk mengawal sawan

* Anticoagulants: digunakan untuk mengurangkan darah beku

* Metoclopramide dan Domperidone: digunakan untuk merawat dan mencegah rasa mual dan muntah-muntah

* Colestyramine: digunakan untuk menurunkan paras kolestrol dalam darah.

* Tricyclic antidepressant: selalunya digunakan untuk merawat kemurungan.

* Oral steroid contraceptives: digunakan untuk merancang keluarga

Cara menggunakan Panamol Syrup 120mg/5ml

-Berapa banyak harus digunakan:

Untuk melegakan demam selepas suntikan vaksin pada 2, 3 dan 4 bulan

2.5 ml (1/2 sudu teh). Dos ini boleh diberikan sehingga 4 kali sehari bermula pada masa vaksinasi. Jika bayi anda masih memerlukan ubat ini selepas dua hari menerima vaksin beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Untuk melegakan sakit dan punca-punca demam lain jika bayi anda beratnya melebihi 4 kg dan dilahirkan selepas 37 minggu, pada umur 2 hingga 3 bulan

2.5 ml (1/2 sudu teh). Jika perlu, selepas 4-6 jam, berikan 2.5 ml kedua (1/2 sudu teh). Jangan berikan lebih

daripada 2 dos. Ini adalah untuk memastikan bahawa demam yang mungkin disebabkan oleh jangkitan yang serius, segera didiagnos. Jika anak anda masih demam selepas dua dos, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Untuk lain-lain keadaan:

3-6 bulan 2.5 ml (1/2 sudu teh)

6-24 bulan 5 ml (1 sudu teh)

2-4 tahun 7.5 ml (1 1/2 sudu teh)

4-8 tahun 10 ml (2 sudu teh)

8-10 tahun 15 ml (3 sudu teh)

10-12 tahun 20ml (4 sudu teh)

Jangan berikan lebih daripada 4 dos dalam mana-mana tempoh 24 jam.

-Bila perlu digunakan:

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan:

Ambil untuk tempoh yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan:

Ambil dos yang tertinggal sejeurus selepas diingati. Jika ianya menghampiri masa untuk dos berikutnya, abaikan dos yang tertinggal tersebut dan ambil ubat itu pada dos yang berikutnya seperti yang dijadualkan. Jangan ambil ubat tambahan bagi menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos):

Sila rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mendapati anda telah menggunakan ubat ini secara berlebihan. Simptom dos berlebihan dalam 24 jam pertama adalah termasuk pucat, mual, muntah-muntah, kurang selera makan dan sakit di bahagian perut. Kerosakan hati akan lebih jelas setelah 12 hingga 48 jam selepas pengambilan ubat. Dalam kes keracunan yang serius, penyakit, kerosakan atau gangguan fungsi otak, pendarahan dalaman, penurunan paras gula dalam darah, pembengkakan otak dan kematian boleh berlaku.

PANAMOL SYRUP

Paracetamol (120mg/5ml)

Semasa menggunakan Panamol Syrup 120mg/5ml

-Perkara yang perlu dilakukan

* Tinggalkan sekurang-kurangnya 4 jam antara dos.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

*Jangan berikan kepada bayi kurang daripada 2 bulan.

*Jangan berikan ubat ini kepada anak anda selama lebih daripada 3 hari tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

* Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali doktor atau ahli farmasi memberitahu anda untuk mengambilnya.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Amaran alahan: Paracetamol boleh menyebabkan tindakbalas kulit yang teruk. Gejala mungkin termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan yang serius. Sekiranya tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan rawatan dengan segera.

* Anda perlu menghubungi doktor atau ahli farmasi jika simptom berlarutan (jika kesakitan berlangsung lebih daripada 10 hari, jika terdapat kemerahan atau demam berlangsung lebih daripada 3 hari).

* Dos yang lebih tinggi harus dielakkan pada orang yang mempunyai masalah hati. Dos paracetamol yang berlebihan boleh membahayakan hati.

* Ia harus diberikan dengan berhati-hati kepada orang yang bergantung kepada alkohol.

* Paracetamol hanya mengurangkan gejala sahaja, terapi tambahan untuk merawat punca sakit atau demam perlu dimulakan apabila perlu.

Kesan - kesan sampingan

Kesan sampingan bagi paracetamol jarang berlaku dan selalunya ringan walaupun tindak balas darah telah dilaporkan. Kesan hipersensitiviti kulit adalah termasuk ruam, bengkak di bawah kulit atau tindak balas yang

lebih serius dan membahayakan nyawa seperti *Stevens Johnson Syndrome/Toxic Epidermal Necrolysis* telah dilaporkan. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel : 03-78835400, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicine (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Panamol Syrup 120mg/5ml

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, di tempat yang kering dan dilindungi daripada cahaya.

Jauhi ubat-ubatan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi atau tamat tempohnya.

Deskripsi Produk

- Rupa dan warna produk

Sirap berwarna oren

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif :

Paracetamol

- Bahan tidak aktif :

Tutti Fruity
Sunset Yellow
Sorbitol
Propylene Glycol
Sugar
Purified Water
Sodium Saccharin
Sodium Chloride

- Nombor MAL

MAL19940190XCZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Terapeutics Sdn. Bhd. (590500-W)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B,
14100 Simpang Ampat S.P.S.,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
09/04/2018

Nombor Siri:
NPRA(R4/1)020418/00088

